

31 MAY 2000

Fong-Komputer

PERKESO DICADANG KAJI KEMUNGKINAN BANTUAN BELI KOMPUTER

KUALA LUMPUR, 31 Mei (Bernama) -- Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) diminta mengkaji kemungkinan memberi bantuan untuk pembelian komputer kepada pencarumnya sebagai usaha mempopularkan penggunaan komputer di kalangan masyarakat.

Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn berkata kajian itu juga bertujuan untuk mencari satu kaedah bagi membantu pencarum dan mempelbagaikan faedah hasil caruman mereka dalam Perkeso, selain cadangan memberi pinjaman perumahan.

"Kutipan (caruman) tidak banyak jadi untuk mengadakan pinjaman perumahan mungkin tidak mencukupi, jadi satu cara untuk membantu pencarum ialah beri pinjaman beli satu peralatan penting seperti komputer kepada pencarum," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau berkata kajian tentang cadangan Perkeso mengadakan skim pinjaman perumahan sedang dilakukan oleh satu syarikat perunding tempatan dan dijangka siap dalam tempoh tiga bulan.

Perkeso sekarang mempunyai dana sebanyak RM8 billion dan pencarum seramai 8.5 juta orang.

Mengenai gaji bulanan pekerja ladang, Dr Fong berkata kajian mengenai perkara itu dijangka siap pada akhir Jun dan selepas itu akan dibentangkan di mesyuarat Kabinet untuk keputusan.

Kajian itu bertujuan mencari satu sistem saraan terbaik bagi pekerja ladang sebagai satu jaminan keselamatan dan pada masa yang sama tidak menjejaskan daya saing sektor perladangan.

"Kita berharap dapat menyelesaikan perkara ini (pelaksanaan gaji bulanan) menjelang akhir tahun ini," katanya.

Pada 27 Mei lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan pada dasarnya bersetuju dengan pelaksanaan gaji bulanan untuk pekerja ladang.

Dr Fong yang turut ditanya mengenai piket oleh kira-kira 400 pekerja kilang membuat tekstil dan pakaian, Syarikat Hualon Corporation Melaka di hadapan bangunan kementerian tengah hari tadi, berkata pegawai Jabatan Perhubungan Perusahaan telah berbincang dengan lima wakil pekerja berkenaan.

Katanya isu yang dikemukakan para pekerja iaitu mengiktiraf penubuhan kesatuan sekerja tidak menepati undang-undang kerana hanya 15 peratus daripada 10,000 pekerja syarikat termasuk sebuah lagi kilang di Negeri Sembilan bersetuju dengan penubuhan kesatuan.

"Kementerian tidak boleh luluskan kerana menurut undang-undang penubuhan kesatuan memerlukan sekurang-kurangnya 50 peratus," katanya.

Dr Fong bagaimanapun berkata beliau telah mengarahkan Ketua Pengarah Jabatan Perhubungan Perusahaan Datuk Ismail Abdul Rahim berbincang dengan pengurusan kilang bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi pekerja berkenaan.

-- BERNAMA

HS FAZ